

3.00 petang, 24.1.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**23.1.2024 KEJADIAN DI SUNGAI PERAI:
PBAPP AKAN MEMPERCEPATKAN 2 PELAN TINDAKAN SECARA SERENTAK**

- **Pelan A: Mengapit semula saluran paip 1,350mm untuk memulihkan perkhidmatan bekalan air untuk 84% daripada 120,000 pengguna terjejas menjelang 8.00 pagi, Jumaat, 26.1.2024.**
- **Pelan B: Kerja pengalihan untuk mengoperasikan 2 saluran paip 600mm baharu untuk menggantikan bahagian saluran paip 1,350mm dalam air. Pemulihan perkhidmatan bekalan air untuk 84% daripada 120,000 pengguna terjejas menjelang Rabu, 31.1.2024.**

PULAU PINANG, Rabu, 24.1.2024, 3.00 petang: Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengarahkan PBAPP melaksanakan 2 pelan tindakan respons kecemasan secara serentak. Cabarannya ialah memulihkan semula bekalan air untuk 120,000 pengguna terjejas secepat mungkin.

“Pelan A” adalah untuk mengapit semula lubang 1.15m x 0.65m pada bahagian saluran paip bawah air 1,350mm yang bocor.

Ini adalah penyelesaian sementara untuk “menunggu” sehingga siap kerja-kerja persediaan di tapak untuk pengoperasian 2 saluran paip 600mm baharu untuk menggantikan saluran paip bawah air.

Jadual kerja untuk “Pelan A” adalah seperti berikut:

Jadual Pelan A		Sasaran
1.	Menyelesaikan kerja-kerja pengapitan semula	Khamis, 25.1.2024
2.	Pemulihan bekalan air kepada 84% daripada 120,000 pengguna terjejas	8.00 pagi, Jumaat, 26.1.2024
3.	Pemulihan bekalan air kepada baki 16% pengguna terjejas (termasuk di hujung paip agihan dan kawasan tinggi)	8.00 pagi, Sabtu, 27.1.2024

“Pelan B” adalah untuk mempercepatkan kerja-kerja persediaan untuk pengoperasian

2 saluran paip 600mm baharu untuk menggantikan saluran paip bawah permukaan air.

Tarikh akhir asal untuk kontraktor menyiapkan kerja ialah 2.2.2024, dengan kerja-kerja pengalihan saluran paip dijadualkan dimulakan serta-merta.

Jadual kerja yang dikemas kini untuk “Pelan B” kini adalah seperti berikut:

Jadual Pelan B		Sasaran
1.	Menyiapkan semua kerja-kerja penyediaan tapak	Isnin , 29.1.2024
2.	Gangguan bekalan air berjadual untuk membolehkan kerja-kerja pengalihan: Penyambungan 2 saluran paip 600mm baharu dan pemotongan saluran paip bawah air.	Selasa, 30.1.2024
3.	Menyiapkan kerja-kerja pengalihan saluran paip	Selasa, 30.1.2024
4.	Pemulihan bekalan air kepada 84% daripada 120,000 pengguna terjejas	Rabu, 31.1.2024
5.	Pemulihan bekalan air kepada baki 16% pengguna terjejas (termasuk di hujung paip agihan dan kawasan tinggi)	Khamis, 1.2.2024

Kedua-dua “Pelan A” dan “Pelan B” sedang dilaksanakan secara serentak di tapak kerja Sungai Perai:

- Jika “Pelan A” berjaya, 84% daripada 120,000 pengguna air yang terjejas di Daerah Barat Daya (DBD) dan Seberang Perai Selatan (SPS) akan menerima bekalan air dalam masa 44 jam. Baki 16% daripada pengguna terjejas akan menerima bekalan air dalam tempoh 68 jam.
- Harap maklum bahawa “Pelan A” ialah penyelesaian sementara untuk memulihkan bekalan air untuk 120,000 pengguna yang terjejas dengan cepat. Pengguna yang terjejas kemudiannya akan mempunyai tempoh 2 hingga 3 hari untuk menyimpan air bagi pelaksanaan “Pelan B”.
- Bagi melaksanakan “Pelan B”, PBAPP akan menjadualkan gangguan bekalan air terancang untuk membolehkan kerja-kerja pengalihan saluran paip. 2 saluran paip 600mm baharu akan disambungkan. Saluran paip 1,350mm yang bocor akan diputuskan.
- Setelah “Pelan B” siap, tiada lagi risiko atau ancaman kepada perkhidmatan bekalan air di DBD dan SPS berkaitan Sungai Perai.

PBAPP akan terus memberikan kemas kini pada halaman FBnya dan melalui siaran



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

media.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my